



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 61
No. 20

28hb September 2017

*TAMBAHAN No. 11
PERUNDANGAN*

Pg. P.U. 14.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL HOTEL
(MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI) 2017

Pg. P.U. 14.**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976****UNDANG-UNDANG KECIL HOTEL
(MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI) 2017**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I**PERMULAAN****Undang-undang Kecil**

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II**PELESENAN**

3. Kehendak bagi lesen
4. Permohonan bagi lesen
5. Pengeluaran lesen
6. Pematuhan syarat-syarat yang dikenakan ke atas lesen
7. Bentuk lesen
8. Pembaharuan lesen
9. Keesahan lesen
10. Deposit
11. Pemindahan atau penyerahhakan lesen
12. Mempamerkan lesen
13. Penggantungan atau pembatalan lesen
14. Penggantian lesen
15. Daftar lesen

BAHAGIAN III

KEHENDAK LESEN

Undang-undang Kecil

16. Syarat-syarat bilik hotel

BAHAGIAN IV

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN

17. Daftar tetamu
18. Penyakit hendaklah dilaporkan
19. Bilik hendaklah dinyahjangkit
20. Kawalan kebersihan dan struktur hotel
21. Kewajipan untuk mengadakan bekas sampah
22. Kewajipan untuk mengasingkan sampah
23. Bekalan air
24. Pencegahan kebakaran
25. Kemudahan kotak pertolongan cemas
26. Kacau ganggu

BAHAGIAN V

PENGENAAN FI HOTEL

27. Pengenaan fi hotel
28. Kadar fi hotel
29. Pengecualian
30. Kegagalan membayar fi hotel
31. Tindakan untuk menuntut tunggakan

BAHAGIAN VI

PENGUATKUASAAN

32. Kuasa penyiasatan

Undang-undang Kecil

33. Kuasa untuk memasuki hotel
34. Pemeriksaan orang perempuan
35. Penyitaan
36. Tuntutan ke atas barang yang disita
37. Mendapatkan belanja dan kos
38. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh dituntut
39. Kuasa untuk menutup hotel
40. Tiada tanggungan ke atas kehilangan dan kerosakan
41. Halangan, dsb.

BAHAGIAN VII**AM**

42. Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang
43. Kesalahan oleh pekhidmat atau ejen
44. Penalti am
45. Pemulaan pendakwaan
46. Pengkompaunan kesalahan
47. Pembatalan

JADUAL PERTAMA**JADUAL KEDUA****JADUAL KETIGA**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**UNDANG-UNDANG KECIL HOTEL (MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Seberang Perai membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-Undang Kecil yang berikut:

BAHAGIAN I**PERMULAAN****Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2017**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

(3) Undang-Undang Kecil ini terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“fi hotel” ertinya sesuatu fi yang dikenakan di bawah undang-undang kecil 27;

“hotel” ertinya mana-mana premis—

- (a) di mana orang diberi tempat berlindung atau menginap untuk apa-apa jenis sewa atau ganjaran;
- (b) di mana bilik-bilik dilengkapi oleh pemunya, penerima pajak, penyewa utama, penghuni atau pengurus premis itu untuk kegunaan domestik bagi orang yang diberi tempat berlindung atau menginap itu; atau
- (c) yang digunakan sebagai asrama, hotel apartment, motel atau rumah tumpangan, tetapi tidaklah termasuk—
 - (aa) mana-mana premis di mana aktiviti yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) sedang dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri atau mana-mana badan berkanun yang ditubuhkan oleh mana-mana undang-undang bertulis;

- (bb) mana-mana kemudahan jagaan kesihatan persendirian, pusat jagaan kanak-kanak atau pusat jagaan yang penubuhan atau pengendaliannya dikawal atau dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (cc) mana-mana asrama pekerja dan mana-mana asrama yang ditubuhkan oleh atau bagi mana-mana institusi pendidikan swasta atau institusi pendidikan tinggi swasta dan dikawal atau dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau
- (dd) mana-mana premis yang disewakan atas asas tuan tanah dan penyewa;

“lesen” ertinya suatu lesen yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah undang-undang kecil 5;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Seberang Perai;

“mengendalikan” ertinya mengurus, mengawal atau mengatur;

“orang” ertinya sesuatu kumpulan orang, diperbadankan atau tidak diperbadankan, sesuatu usaha sama atau amanah;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

“Pegawai Kesihatan” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*];

“Pegawai Pelesen” ertinya Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang dikeluarkan lesen di bawah undang-undang kecil 5;

“penghuni” ertinya orang yang menghuni hotel atau yang bertanggungjawab bagi mengawal hotel itu sama ada untuk dirinya sendiri atau sebagai ejen seseorang lain, tetapi tidaklah termasuk penginap;

“penyakit berjangkit” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*];

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai.

BAHAGIAN II**PELESENAN****Kehendak bagi lesen**

3. Tiada seorang pun boleh mengendalikan sesuatu hotel melainkan jika dia memegang suatu lesen yang sah yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Permohonan bagi lesen

4. (1) Suatu permohonan bagi lesen untuk mengendalikan hotel hendaklah dibuat kepada Majlis dalam borang yang ditetapkan oleh Majlis berserta dengan fi pentadbiran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Apabila suatu permohonan di bawah perenggan (1) diterima, Pegawai Pelesen boleh menghendaki pemohon untuk memberikan butir-butir, maklumat atau dokumen lanjut.

(3) Jika apa-apa butir, maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah perenggan (2) tidak diberikan oleh pemohon dalam tempoh yang dinyatakan oleh Pegawai Pelesen, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjelaskan permohonan baharu yang dibuat oleh pemohon.

(4) Suatu permohonan di bawah perenggan (1) boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum pengeluaran atau penolakan untuk mengeluarkan suatu lesen, yang jika itu berlaku fi pentadbiran yang dibayar di bawah perenggan (1) tidak akan dikembalikan.

Pengeluaran lesen

5. (1) Selepas mempertimbangkan permohonan di bawah perenggan 4(1) dan butir-butir, maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah perenggan 4(2), Majlis boleh mengeluarkan atau menolak untuk mengeluarkan lesen.

(2) Jika Majlis memutuskan untuk mengeluarkan lesen di bawah perenggan (1), pemohon itu hendaklah membayar—

(a) deposit yang ditetapkan dalam undang-undang kecil 10; dan

(b) fi lesen yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Jika Majlis menolak untuk mengeluarkan lesen di bawah perenggan (1), Majlis hendaklah memaklumkan secara bertulis tentang keputusannya kepada pemohon itu dalam masa tujuh hari dari tarikh keputusan itu.

Pematuhan syarat-syarat yang dikenakan ke atas lesen

6. (1) Majlis boleh mengenakan apa-apa syarat apabila mengeluarkan suatu lesen di bawah undang-undang kecil 5 dan boleh, pada bila-bila masa, meminda syarat yang dikenakan.

(2) Majlis hendaklah memaklumkan kepada pemegang lesen secara bertulis mengenai keputusan Majlis di bawah perenggan (1).

(3) Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan ke atas suatu lesen.

(4) Pemegang lesen yang gagal mematuhi perenggan (3) melakukan suatu kesalahan.

Bentuk lesen

7. Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis.

Pembaharuan lesen

8. (1) Seseorang pemegang lesen boleh memohon untuk memperbaharui lesen tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum tarikh habis tempoh lesen itu dengan membuat permohonan kepada Pegawai Pelesen dengan bayaran fi pentadbiran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah memberikan kepada Pegawai Pelesen apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang Pegawai Pelesen fikirkan perlu dan berkaitan bagi permohonan itu.

(3) Majlis boleh, apabila menerima suatu permohonan bagi pembaharuan lesen di bawah perenggan (1), memperbaharui lesen atau menolak untuk memperbaharui lesen itu.

(4) Jika suatu permohonan untuk suatu pembaharuan lesen diluluskan oleh Majlis, lesen itu hendaklah diperbaharui apabila dibayar fi lesen yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan Majlis boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu.

Keesahan lesen

9. Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 5 atau diperbaharui di bawah undang-undang kecil 8 hendaklah sah bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun daripada tarikh pengeluaran atau pembaharuananya, melainkan jika lesen itu digantung atau dibatalkan.

Deposit

10. (1) Majlis boleh, sebelum mengeluarkan sesuatu lesen atau pada bila-bila masa selepas itu, menghendaki pemegang lesen itu membuat suatu deposit sebanyak tiga kali ganda fi lesen untuk memastikan bahawa syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen itu dan peruntukan-peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dipatuhi dengan sewajarnya.

(2) Majlis boleh melucutahkan keseluruhan atau sebahagian daripada deposit itu jika Majlis berpuas hati bahawa telah berlaku perlanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau perlanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(3) Pembayaran deposit di bawah subperenggan 5(2)(a) hendaklah, melainkan dilupuskan di bawah perenggan (2), dikembalikan kepada pemegang lesen selepas pemegang lesen menamatkan pengendalian hotel.

(4) Majlis tidak boleh melucutahkan deposit itu melainkan jika pemegang lesen telah diberi peluang untuk didengar.

(5) Tiada apa-apa jua dalam Undang-Undang Kecil ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang pemegang lesen yang depositnya telah dilucutahkan di bawah perenggan (2) daripada didakwa.

Pemindahan atau penyerahhakan lesen

11. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dipindahkan atau diserahhakan kepada mana-mana orang lain melainkan dengan kelulusan bertulis Majlis.

(2) Suatu permohonan bagi pemindahan atau penyerahhakan suatu lesen hendaklah dibuat kepada Majlis dalam bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

(3) Permohonan di bawah perenggan (2) hendaklah disertakan dengan—

(a) butir-butir berkaitan dengan penyerahan hak atau pindah hak milik yang dicadangkan, termasuk butir-butir pemegang penyerahan hak atau pemegang pindah hak milik yang dicadangkan itu; dan

(b) fi pentadbiran seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(4) Sebelum meluluskan permohonan di bawah perenggan (1), Majlis boleh menghendaki pemegang lesen untuk menyelesaikan apa-apa bayaran kepada Majlis.

(5) Jika permohonan di bawah perenggan (1) diluluskan oleh Majlis, lesen itu hendaklah dikeluarkan atas nama pemegang serah hak atau penerima pindah hak milik yang tertakluk kepada—

(a) pembayaran fi pada kadar lima puluh peratus daripada fi lesen itu; dan

(b) apa-apa terma dan syarat yang difikirkan perlu oleh Majlis.

Mempamerkan lesen

12. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di tempat yang mudah dilihat di dalam hotelnya dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pegawai Pelesen.

(2) Pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Penggantungan atau pembatalan lesen

13. (1) Majlis boleh, dengan memberikan suatu notis secara bertulis kepada pemegang lesen, menggantung lesen itu selama tempoh tidak melebihi sembilan puluh hari di bawah mana-mana keadaan yang berikut:

- (a) pemegang lesen atau mana-mana pekerja kepada pemegang lesen itu telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini;
- (b) pemegang lesen telah gagal mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan dalam lesen itu; atau
- (c) pemegang lesen telah gagal mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Majlis boleh, dengan memberikan suatu notis secara bertulis kepada pemegang lesen, membatalkan suatu lesen di bawah mana-mana keadaan yang berikut:

- (a) lesen telah diperoleh secara fraud atau salah nyata; atau
- (b) pemegang lesen telah gagal untuk meremedi kesalahan bagi penggantungan dan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa kesalahan bagi penggantungan itu tidak akan berulang dalam tempoh penggantungan.

(3) Majlis boleh menghilangkan kelayakan seseorang pemegang lesen daripada memohon lesen yang lain sebelum tamatnya tempoh lesen yang dibatalkan itu.

(4) Majlis hendaklah memberikan pemegang lesen suatu notis tunjuk sebab secara bertulis sebelum Majlis membuat suatu keputusan di bawah perenggan (1) atau (3).

(5) Apabila berlakunya penggantungan atau pembatalan, pemegang lesen hendaklah menyerahkan semula lesen kepada Majlis tidak lewat daripada tujuh hari dari tarikh notis penggantungan atau pembatalan itu disampaikan kepadanya.

(6) Majlis hendaklah memulangkan lesen yang digantung di bawah perenggan (1) kepada pemegang lesen selepas berakhir tempoh penggantungan itu.

(7) Apabila lesen telah digantung atau dibatalkan, ia tidak berkuat kuasa semasa tempoh penggantungan atau daripada tarikh pembatalan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Penggantian lesen

14. (1) Pemegang lesen hendaklah dengan serta merta melaporkan kepada Pegawai Pelesen jika lesenya hilang, musnah atau rosak.

(2) Suatu permohonan bagi penggantian lesen hendaklah dibuat kepada Pegawai Pelesen dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis dan hendaklah disertakan dengan—

- (a) suatu akuan berkanun atau laporan polis oleh pemegang lesen yang menyatakan bahawa lesen yang dikeluarkan kepadanya telah hilang, musnah atau rosak; dan
- (b) fi pentadbiran yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(3) Jika Pegawai Pelesen berpuas hati bahawa kehilangan sesuatu lesen atau kerosakan kepada sesuatu lesen bukan akibat daripada apa-apa fraud atau kecuaian, Pegawai Pelesen boleh mengeluarkan suatu lesen gantian dalam bentuk yang sama dengan lesen asal tetapi dengan perkataan “GANTIAN” diendorskan pada lesen itu.

Daftar lesen

15. Pegawai Pelesen hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu Daftar Lesen.

BAHAGIAN III

KEHENDAK LESEN

Syarat-syarat bilik hotel

16. Pemegang lesen hendaklah memastikan semua bilik di hotelnya mematuhi syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis seperti yang berikut:

- (a) mempunyai keluasan ruang bilik; dan
- (b) mempunyai kemudahan bilik mandi dan tandas yang dilengkapi dengan air mengalir, pencahayaan dan pengudaraan yang baik.

BAHAGIAN IV

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN

Daftar tetamu

17. Pemegang lesen hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu daftar tetamu yang menginap di hotelnya yang hendaklah mengandungi butir-butir berikut:

-
- (a) nama, kerakyatan, umur dan jantina;
 - (b) tarikh daftar masuk dan tarikh daftar keluar;
 - (c) nombor pendaftaran kad pengenalan, pasport atau pengenalan diri yang lain, pekerjaan dan alamat kediaman; dan
 - (d) butir-butir lain yang diarahkan oleh Pegawai Pelesen.

Penyakit hendaklah dilaporkan

18. (1) Pemegang lesen hendaklah dengan serta-merta melaporkan kepada Pegawai Pelesen dan Pegawai Kesihatan mengenai apa-apa penyakit berjangkit yang dihadapi oleh mana-mana tetamu di hotelnya.

(2) Pemegang lesen dan penghuni hendaklah memberikan bantuan yang diperlukan oleh Pegawai Pelesen dan Pegawai Kesihatan termasuklah arahan untuk kuarantin atau pengosongan.

Bilik hendaklah dinyahjangkit

19. Pemegang lesen hendaklah memastikan semua bilik di hotelnya dirawat dan dinyahjangkit sebelum ianya digunakan.

Kawalan kebersihan dan struktur hotel

20. (1) Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa memastikan—

- (a) hotelnya berada dalam keadaan bersih; dan
- (b) semua ruang tangga di hotelnya termasuklah tangga kecemasan mempunyai pencahayaan dan pengudaraan yang cukup dan dipasang dengan pemegang.

(2) Pegawai Pelesen boleh, apabila difikirkan perlu, mengarahkan pemegang lesen untuk menutup hotelnya atau sebahagian daripada hotelnya bagi tujuan melakukan kerja-kerja pembersihan warna atau kapur, mengecat atau apa-apa pengubabsuaian struktur lain.

Kewajipan untuk mengadakan bekas sampah

21. Pemegang lesen hendaklah—

- (a) menyediakan bekas sampah komunal yang mencukupi bagi sampah baki sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis;
- (b) menyediakan kemudahan pengurusan sampah yang boleh dikitar semula sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis;
- (c) menyelenggara bekas sampah komunal dan kemudahan pengurusan sampah yang boleh dikitar semula pada setiap masa supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat; dan

-
- (d) menggantikan atau membaiki apa-apa kerosakan pada bekas sampah komunal dan kemudahan pengurusan sampah yang boleh dikitar semula.

Kewajipan untuk mengasingkan sampah

22. Pemegang lesen hendaklah—

- (a) memastikan sampah yang boleh dikitar semula diasingkan daripada sampah baki;
- (b) memastikan sampah yang boleh dikitar semula—
 - (i) dimasukkan ke dalam apa-apa beg atau bekas sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis; dan
 - (ii) diletakkan berasingan di tepi bekas sampah baki atau di dalam kemudahan pengurusan sampah yang boleh dikitar semula; dan
- (c) memastikan sampah baki dimasukkan ke dalam beg sebelum dimasukkan ke dalam bekas sampah individu atau bekas sampah komunal atau mengikut apa-apa cara lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

Bekalan air

23. Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa—

- (a) menyediakan bekalan air yang mencukupi di hotelnya; dan
- (b) memastikan semua pili air di hotelnya disambung terus ke paip air utama dari bekalan air awam.

Pencegahan kebakaran

24. Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan memastikan—

- (a) kelengkapan memadam kebakaran di hotelnya sentiasa berada dalam keadaan baik, mencukupi dan berfungsi dengan baik; dan
- (b) tangga, laluan pelantar dan jalan keluar bebas dari sebarang halangan serta pintu di dalamnya dibina dan dipasang dengan cara yang senang dibuka.

Kemudahan kotak pertolongan cemas

25. Pemegang lesen hendaklah menyediakan satu kotak pertolongan cemas yang mengandungi alatan pertolongan cemas seperti yang berikut:

-
- (a) enam pembalut yang disteril, setiap satu berukuran tidak kurang daripada 7.6 sm x 7.6 sm bagi luka dan luka terbakar;
 - (b) satu gulung kapas yang disteril tidak kurang daripada 300 gram;
 - (c) dua gulung kain pembalut, setiap satu berukuran tidak kurang daripada 7.6 sm x 5.5 sm;
 - (d) tiga helai kain pembalut berbentuk segi tiga;
 - (e) satu gulung pengikat pembedahan berukuran 2.54 sm x 2.74 sm;
 - (f) satu pasang gunting keluli tahan karat;
 - (g) satu kotak pin keselamatan; dan
 - (h) satu tiub krim antiseptik.

Kacau ganggu

26. Pemegang lesen tidak boleh membuat atau menyebabkan kacau ganggu semasa mengendalikan hotel.

BAHAGIAN V

PENGENAAN FI HOTEL

Pengenaan fi hotel

27. Fi hotel hendaklah dikenakan dan dibayar oleh pemegang lesen kepada Majlis menurut Undang-Undang Kecil ini.

Kadar fi hotel

28. (1) Fi hotel yang kena dibayar di bawah undang-undang kecil 27 adalah seperti berikut—

- (a) dua ringgit untuk setiap bilik/malam yang disewa atau dihuni bagi hotel bertaraf tiga bintang dan ke bawah; dan
- (b) tiga ringgit untuk setiap bilik/malam yang disewa atau dihuni bagi hotel bertaraf empat bintang dan ke atas.

(2) Fi hotel hendaklah dibayar kepada Majlis pada setiap bulan kalendar. Jika fi hotel tidak dibayar pada atau sebelum sepuluh hari bulan bulan berikutnya, jumlah itu hendaklah disifatkan sebagai suatu tunggakan.

(3) Majlis boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, mengubah atau memindah kadar fi hotel di bawah perenggan (1) dari semasa ke semasa.

Pengecualian

29. Majlis boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada membayar fi hotel.

Kegagalan membayar fi hotel

30. Jika mana-mana fi hotel yang genap masanya kena dibayar di bawah undang-undang kecil 27 tidak dibayar, ianya boleh dituntut sebagaimana peruntukan di bawah undang-undang kecil 31.

Tindakan untuk menuntut tunggakan

31. Majlis hendaklah mengeluarkan suatu notis kepada pemegang lesen yang bertanggungan membayar tunggakan tersebut, meminta supaya membayar tunggakan itu dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis itu disampaikan atau suatu tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Majlis dan dikenakan denda lewat sebanyak lima ringgit bagi setiap notis.

BAHAGIAN VI

PENGUATKUASAAN

Kuasa penyiasatan

32. (1) Pegawai Pelesen hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Bagi maksud perenggan (1), Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] hendaklah terpakai dan Pegawai Pelesen hendaklah mempunyai segala kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini untuk menjalankan penyiasatan.

Kuasa untuk memasuki hotel

33. Mana-mana Pegawai Pelesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh memasuki mana-mana hotel bagi maksud menjalankan apa-apa pemeriksaan atau penyiasatan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pemeriksaan orang perempuan

34. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah undang-undang kecil 32 dan undang-undang kecil 33 kecuali oleh seorang Pegawai Pelesen perempuan dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan pematuhan ketat kepada kesopanan.

Penyitaan

35. Mana-mana Pegawai Pelesen yang menjalankan kuasa di bawah undang-undang kecil 32 dan undang-undang kecil 33, boleh menyita dan memindahkan apa-apa barang yang dipercayai dengan munasabah mempunyai kaitan atau pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat lesen.

Tuntutan ke atas barang yang disita

36. Mana-mana orang yang hendak menuntut apa-apa barang yang disita di bawah undang-undang kecil 35, boleh menuntut barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh empat belas hari dari tarikh sitaan barang tersebut dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen dan tertakluk kepada apa-apa pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Dengan syarat bahawa sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas barang tersebut dalam tempoh empat belas hari, Pegawai Pelesen boleh melupuskan barang tersebut dengan cara yang difikirkan patut olehnya.

Mendapatkan belanja dan kos

37. Jika Majlis telah melakukan belanja atau kos pada menjalankan apa-apa kerja penguatkuasaan di bawah Undang-Undang Kecil ini, Majlis boleh mendapatkan belanja atau kos daripada pemegang lesen.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh dituntut

38. Tiada seorang pun boleh menuntut apa-apa kos atau ganti rugi terhadap tindakan yang dibuat di bawah undang-undang kecil 35.

Kuasa untuk menutup hotel

39. Tanpa menjelaskan perjalanan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang kecil 32 dan undang-undang kecil 33, Pegawai Pelesen boleh, dengan serta-merta mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup mana-mana hotel jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) telah berlaku perlanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat atau sekatan lesen;
- (b) penutupan itu adalah perlu untuk kepentingan awam; atau
- (c) lesen tersebut telah diperolehi secara tidak wajar atau menyalahi undang-undang.

Tiada tanggungan ke atas kehilangan dan kerosakan

40. Majlis atau mana-mana pegawai diberi kuasa hendaklah tidak bertanggungan terhadap apa-apa kerosakan atau kehilangan yang berlaku akibat dari tindakan penguatkuasaan tersebut.

Halangan, dsb.

41. Mana-mana orang yang—

- (a) menyerang, menghalang, mencegah atau mengganggu mana-mana pegawai yang diberi kuasa dalam melaksanakan kewajipan atau kuasanya yang diberikan oleh Undang-Undang Kecil ini; dan

- (b) enggan memberikan mana-mana pegawai yang diberi kuasa apa-apa maklumat yang berhubungan dengan sesuatu kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Undang-Undang Kecil ini atau maklumat lain yang semunasabahnya boleh dikehendaki daripadanya yang ada dalam pengetahuan atau dalam kuasanya untuk memberikannya;

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VII

AM

Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang

42. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) mana-mana anggota Majlis, Pegawai Pelesen, Pegawai Kesihatan atau pegawai diberi kuasa bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diperintahkan atau yang dilakukan bagi maksud melaksanakan Undang-Undang Kecil ini; dan
- (b) mana-mana orang lain bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau yang berupa sebagai dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Majlis, Yang Dipertua atau pegawai diberi kuasa dengan sewajarnya di bawah Undang-Undang Kecil ini,

jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan kepercayaan munasabah bahawa perbuatan itu perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai olehnya.

Kesalahan oleh pekhidmat atau ejen

43. Jika sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan oleh mana-mana pekhidmat atau ejen mana-mana pemegang lesen, atau oleh mana-mana pekhidmat atau ejen atau penghuni sesuatu hotel yang tidak berlesen, pemegang lesen, atau penghuni itu hendaklah disifatkan telah juga melakukan kesalahan itu melainkan jika, setelah mengambil kira segala hal keadaan, dia berupaya untuk membuktikan—

- (a) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, keizinan atau ketinggalannya; dan
- (b) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

Penalti am

44. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau syarat atau sekatkan lesen adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pemulaan pendakwaan

45. Tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

46. Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Undang-Undang Kecil ini menurut Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1977.

Pembatalan

47. (1) Item 4, Perenggan (E) Jadual Kedua, Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980 [Pg. P.U.14] bertarikh 18 Jun 1981 adalah dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen, dokumen-dokumen atau tindakan yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

JADUAL PERTAMA**FI PENTADBIRAN**

[perenggan 4(1), 8(1), 11(3) dan 14(2)]

Fi pentadbiran : RM50.00

JADUAL KEDUA**FI LESEN**

[perenggan 5(2) dan 8(4)]

1. Hotel

Jumlah bilik	Fi
Kurang daripada 10 bilik	RM500.00 setahun atau sebahagian daripadanya
Tiap tambahan bilik	RM10.00 setahun atau sebahagian daripadanya

Jumlah bilik	Fi
2. Rumah tumpangan biasa dan asrama	
Jumlah katil	Fi
Kurang daripada 10 katil	RM250.00 setahun atau sebahagian daripadanya
Tiap tambahan katil	RM5.00 setahun atau sebahagian daripadanya

JADUAL KETIGA

FI MEMINDAHKAN DAN MENYIMPAN

[undang-undang kecil 36]

Perkara	Fi
(a) Memindahkan dan kos perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Majlis	: Tidak kurang daripada RM1,000.00
(b) Menyimpan	: RM100.00 sehari

Dibuat pada 9 Ogos 2017
[MPSP/99/1-4/86; PUNPP 352.100-1/2/SUB/65]

DATO' SR ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Disahkan pada 14 Ogos 2017
[PSUKPP/04/0401/7 Klt.5; PUNPP 352.100-1/2/SUB/65]

MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Pulau Pinang

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

HOTELS (MUNICIPAL COUNCIL OF PROVINCE WELLESLEY) BY-LAWS 2017

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-law

1. Citation, commencement and application
2. Interpretation

PART II

LICENSING

3. Requirement for licence
4. Application for licence
